

SEJARAH PERKEMBANGAN JEMAAH HAJI DARI TANAH MELAYU (1400-1900 MASIHI)

Historical Development Of Pilgrimage From Malaya (1400-1900 Century)

Wan Zahari Wan Mahmud¹
Faisal @ Ahmad Faisal Abdul Hamid²

Abstrak

Sejarah perkembangan haji dari Tanah Melayu mempunyai kaitan dengan jemaah haji daripada kalangan orang Melayu itu sendiri. Mereka akan menunaikan ibadah haji apabila berkemampuan untuk melaksanakannya. Oleh itu, artikel ini bertujuan untuk menyoroti sejarah perjalanan haji orang Melayu sekitar tahun 1400-1900 Masihi dan persediaan sebelum mengerjakan ibadah haji. Analisis dilakukan berdasarkan data-data kepustakaan melalui metode pensejarahan. Hasil kajian mendapati terdapat ramai orang Melayu yang menunaikan fardu haji sekitar tahun 1400-1900 Masihi termasuklah beberapa orang tokoh besar dari Tanah Melayu dan mereka telah membuat pelbagai persediaan sebelum berangkat ke Tanah Suci Mekah.

Kata kunci: *Sejarah jemaah haji, orang Melayu, Tanah Melayu, Tanah Suci Mekah.*

Abstract

Historical development of pilgrimage from Malaya has relation with the pilgrims among Malays. They will perform pilgrimage if they are able to perform it. Therefore, this article aims to highlight the history of Malays' pilgrimage journey around 1400-1900 century and their preparations before pilgrimage. Analysis was done based on bibliographic data through historical method. Finding shows that there were many Malays who performed pilgrimage around 1400-1900 century including some prominent figures from Malaya and they have made various preparations before leaving to the Holy Land of Mecca.

Keywords: *Historical of pilgrimage, Malays, Malaya, Holy Land of Mecca*

Pendahuluan

Bagi orang Melayu, bumi Hijaz yang terdiri daripada Mekah dan Madinah mempunyai kaitan yang erat dengan pegangan agama Islam yang mereka anuti. Ini kerana rukun Islam yang kedua telah mewajibkan umat Islam sembahyang lima kali dalam sehari semalam dengan menghadapkan diri ke arah Kaabah yang terletak di Mekah dan pada masa yang sama turut

¹ Calon PhD di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. E-mail afzanwzahari@yahoo.com

² Pensyarah Kanan dan Penyelia calon di Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. E-mail faisal@um.edu.my

menyedari bahawa nabi yang mereka kasih iaitu Nabi Muhammad SAW telah dimakamkan di Madinah. Bumi Hijaz juga mempunyai erti yang sangat bermakna kepada seluruh umat Islam kerana di sini jugalah terletaknya dua masjid yang dianggap suci oleh umat Islam iaitu Masjidilharam di Mekah dan Masjid Nabawi di Madinah.³

Orang Melayu yang berkemampuan telah pergi ke Mekah untuk menunaikan fardu haji bagi menyempurnakan rukun Islam yang kelima dan yang terakhir dengan kekuatan rohani dan jasmani. Walaupun orang Melayu masih terpinggir di kampung-kampung, sejarah pemergian mereka ke Mekah telah berlaku pada setiap tahun. Ini kerana perjalanan mereka dipermudahkan lagi dengan terciptanya kapal laut sebagai pengangkutan awal untuk mereka belayar ke Mekah bagi menunaikan ibadah haji di sana. Keadaan ini membawa kepada hubungan yang lebih rapat di antara orang-orang Melayu dengan Tanah Suci Mekah dan Madinah serta perkembangan-perkembangan agama Islam yang lain.⁴

Kajian berkenaan dengan sejarah perjalanan jemaah haji Melayu ke Tanah Suci Mekah banyak diperkatakan melalui kajian ilmiah dan catatan peribadi. Berdasarkan beberapa pembacaan yang dilakukan oleh pengkaji, telah didapati sebuah latihan ilmiah berkenaan dengan sejarah pelaksanaan haji orang Melayu oleh Nabihah Hj. Hassan (1978) adalah sesuai untuk dimasukan ke dalam sorotan kajian lepas. Kajian ini membicarakan tentang pengurusan dan pengendalian haji, keadaan di bumi Hijaz dan kepulangan jemaah ke tanah air.⁵

Seterusnya beberapa tahun kemudian, melalui latihan ilmiah oleh Azrina Ismail (2000) yang turut memberikan sumbangan maklumat yang amat berharga tentang sejarah awal perjalanan haji orang Melayu ke Tanah Suci dari aspek Singapura sebagai pintu berlepas ke Mekah. Beliau juga telah menyentuh mengenai dengan ordinan kapal haji iaitu peraturan-peraturan sesebuah kapal itu beroperasi bagi tujuan menjaga keselamatan dan keselesaan para penumpang di dalam kapal haji. Ia juga mengandungi perbincangan berkenaan dengan tambang kapal, keadaan kesihatan jemaah haji dan masalah eksloitasi ke atas jemaah.⁶

Selain itu terdapat juga beberapa buah jurnal tentang orang Melayu, ibadah haji dan Mekah antaranya sebuah penulisan Jurnal Usuluddin oleh Mohammad Redzuan Othman (2001). Beliau menerangkan berkaitan dengan amalan biasa bagi ibu bapa yang kuat pegangan agamanya dan yang berkemampuan, terutamanya dari negeri-negeri Utara dan Pantai Timur Semenanjung Tanah Melayu akan menghantar anak-anak lelaki mereka yang berumur belasan tahun ke Mekah bagi mendalamai ilmu agama dan dalam masa yang sama dapat mengerjakan ibadah haji.⁷

Informasi berkaitan dengan sejarah haji orang Melayu turut diperkatakan oleh Aiza Maslan @ Baharudin. Kajian beliau kali ini berdasarkan tesis kedoktoran (2009). Kajian ini menyatakan betapa dekatnya pemikiran orang Melayu dengan ibadah haji sehingga menjadi

³. Mohammad Redzuan Othman, *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah* (Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005), 33.

⁴. Muhamad Abdul Rauf, *Ikhtisar Sejarah Islam dan Hubungannya yang Khusus dengan Semenanjung Malaysia*, terj. Rustam A. Sani (Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1987), 123.

⁵. Nabihah Hassan, "Sejarah Pengerjaan Haji Orang-orang Tanah Melayu, 1900-1940" (latihan ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1978).

⁶. Azrina Ismail, "Singapura: Gerbang Jemaah Haji ke Mekah di Kepulauan Asia Tenggara 1865-1938" (latihan ilmiah, Jabatan Pengajian Asia Tenggara, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2000).

⁷. Mohammad Redzuan Othman, "Masjid al-Haram dan Peranannya dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Masyarakat Melayu," *Jurnal Usuluddin* 13 (Julai 2001), 65-80.

tuntutan budaya yang perlu dititikberatkan. Juga terdapat maklumat berkaitan dengan penubuhan Lembaga Urusan dan Tabung Haji (LUTH) telah berjaya mengatasi kebanyakan masalah yang dihadapi oleh jemaah haji Melayu.⁸

Bagi mengembangkan lagi fakta mengenai dengan pengalaman orang Melayu menunaikan ibadah haji di Mekah, pengkaji merujuk juga kepada sebuah disertasi sarjana Universiti Kebangsaan Malaysia. Disertasi ini adalah kajian Mohd Zulfadli Maafor (2011). Beliau mengkaji tentang perkembangan organisasi sheikh haji di Semenanjung Tanah Melayu dari awal abad ke-20 sehingga tahun 1950. Kajian ini bertujuan untuk menjawab persoalan tentang siapa yang bertanggungjawab bagi menguruskan hal-hal orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu yang pergi menunaikan ibadah haji ke Mekah.

Pengkaji telah memilih jurnal yang kedua. Jurnal tersebut membincangkan perkara yang berbeza daripada jurnal yang sebelumnya. Namun begitu pengkaji mendapati ianya mempunyai pelbagai maklumat dan penerangan yang berguna. Jurnal tersebut ditulis oleh Shukor Mat (2012) tentang pengalaman orang Melayu menunaikan haji dengan kapal laut.⁹ Penulis menjelaskan bahawa orang Islam di Tanah Melayu menunaikan fardu haji pada tahun 1900 dengan menaiki kapal laut. Terdapat seramai 6,861 orang jemaah yang pergi melaksanakan haji pada tahun tersebut. Jumlah jemaah haji semakin bertambah pada setiap tahun.

Terdapat lagi sebuah tulisan Aiza Maslan @ Baharudin (2013). Kali ini beliau menulis melalui jurnal pula. Kajiannya menumpukan kepada isu kesesakan kapal haji. Kesesakan kapal haji adalah sebahagian daripada masalah yang sering dialami oleh jemaah haji orang Melayu sebelum perang dunia kedua. Biarpun telah banyak tindakan yang diambil dan denda dikenakan, kesesakan kapal masih menjadi permasalahan utama pada sekitar tahun 1920-an sehingga 1940-an. Terdapat juga isu lain yang ditekankan iaitu isu pemerasan kadar tambang kapal dan eksloitasi ejen haji terhadap jemaah haji Melayu.¹⁰

Bagi menambahkan lagi kajian terhadap pengalaman perjalanan haji orang Melayu, pengkaji telah meneliti pula sebuah kajian Nang Nashirah Nik Dahalan dalam latihan ilmiah Universiti Malaya (2014).¹¹ Beliau mengkaji berkenaan dengan sejarah perjalanan haji orang Melayu pada zaman dahulu. Penulis telah menganalisis buku catatan Abdullah Munsyi yang berjudul *Kisah Pelayaran Abdullah Ka-Judah*. Tujuannya adalah untuk menghayati pengalaman Abdullah Munsyi dan para jemaah haji lain yang belayar bersamanya menuju ke Mekah.

Menerusi ruang perbincangan ini pengkaji juga telah menyenaraikan sebuah lagi jurnal yang mempunyai hubungan dengan kajian pengkaji. Jurnal tersebut ditulis oleh Roshimah Shamsudin, Aiza Maslan @ Baharudin dan Noor Shakirah Mat Akhir (2014) tentang pelaksanaan ibadah haji masyarakat Melayu mengikut ajaran sunnah ataupun amalan

⁸. Aiza Maslan @ Baharudin, “Dari Tabung Buluh ke Tabung Haji: Sejarah Pengerajan Haji Orang Melayu, 1850-1984” (tesis kedoktoran, Jabatan Sejarah, Fakulti Sastera dan Sains Sosial, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009).

⁹. Shukor Mat, “Sejarah Awal Rombongan Haji Malaysia dan Pengalaman Menunaikan Haji dengan Kapal Laut oleh Tokoh Haji Veteran dari Perlis,” *Jurnal Warisan Indera Kayangan* 23 (2012), 14-17.

¹⁰. Aiza Maslan @ Baharudin, “Pelayaran Haji Orang Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua,” *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya* 21 (2013), 41-55.

¹¹. Nang Nashirah Nik Dahalan, “Perjalanan Orang-orang Melayu dalam Menunaikan Ibadah Haji: Kajian di dalam Kitab Kisah Pelayaran Abdullah Ka-Judah” (latihan ilmiah, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademik Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2014), 7.

kebiasaan.¹² Secara umumnya jurnal ini berbeza dengan dua jurnal sebelum ini. Penulis lebih memfokuskan kepada amalan haji masyarakat Melayu sama ada yang disandarkan kepada sunnah Nabi Muhammad SAW yang sahih ataupun yang berunsur bidaah dan khurafat yang ditegah oleh Allah SWT.

Di sini juga pengkaji telah mendapati sebuah buku tentang pengalaman perjalanan haji orang Melayu oleh Dr. Fuad Hassan (1975) turut signifikan untuk dibincangkan dalam ulasan kajian lepas. Buku travelog haji ini mengisahkan mengenai dengan pengalaman dan cabaran yang telah dilalui penulis sepanjang berada di bumi Jeddah, Madinah dan Mekah dalam misi beliau untuk menyempurnakan fardu haji yang merupakan rukun Islam yang kelima bagi seorang Muslim.¹³ Selain daripada buku dan kajian ilmiah terdapat juga sebuah kisah perjalanan haji yang dimuatkan dalam majalah Dewan Siswa (1980) oleh Abu Yazid Abidin.¹⁴ Pengkaji mendapati struktur penulisan ini berbeza dengan penulisan Dr. Fuad Hassan. Beliau lebih banyak memperkatakan tentang suasana semasa berada di dalam kapal terbang. Beliau menunaikan *manasik* haji bersama isteri pada tahun 1979 dengan menaiki kapal terbang MAS yang membawa 345 orang penumpang. Sebanyak RM4,000 yang telah dibelanjakan bagi mengerjakan ibadah haji pada ketika itu.

Sebuah buku lain yang juga ada menceritakan perihal pengalaman haji orang Melayu. Buku tersebut yang merupakan karya Kassim Ahmad (1981) adalah berbeza daripada buku pengalaman haji yang lain kerana mengandungi dua buah teks iaitu Kisah Pelayaran Abdullah ke Kelantan berdasarkan teks cetakan Jawi yang diselenggarakan oleh Dr. J. Pijnappel di Universiti Leiden dan Kisah Pelayaran Abdullah ke Judah berdasarkan transkripsi Dr. P. Voorhoeve di Universiti Leiden edisi Klinkert. Bagi aspek metodologi pula, kajian ini dibuat secara kualitatif iaitu dengan memberi penekanan kepada kajian perpustakaan yang melibatkan rujukan kepada sumber-sumber yang berbentuk buku, jurnal, disertasi, tesis, kertas kerja, artikel, laporan, risalah dan laman web. Seterusnya pengkaji menggunakan analisis pensejarahan bagi menghasilkan dapatan-dapatan kajian dan kemudiannya membuat kesimpulan yang sesuai.

Diharapkan menerusi kajian ini akan dapat memperbanyakkan lagi bahan kajian ilmiah tentang sejarah perjalanan haji orang Melayu kerana didapati kajian ilmiah mengenainya masih lagi kurang dan terhad. Walaupun kajian yang dijalankan ini tidak mampu menjelaskan secara keseluruhan sejarah perjalanan haji orang Melayu ke Tanah Suci Mekah, namun begitu ianya bolehlah dianggap sebagai pelengkap kepada kajian-kajian terdahulu.

Sejarah Perjalanan Haji Orang Melayu Ke Tanah Suci Mekah

Perkataan Melayu merupakan istilah etnik (bangsa) yang telah digunakan untuk sekumpulan besar orang-orang yang menetap di pulau-pulau yang membentuk Malaysia dan Indonesia. Kebanyakan daripada mereka tinggal tersebar di serata kepulauan di Lautan Pasifik dan beberapa kumpulan lagi dapat ditemui di Sri Lanka, di Afrika Selatan dan Afrika Timur, di negara Arabia dan di beberapa bahagian United Kingdom. Di samping mempunyai perawakan yang sama, mereka juga bertutur dalam bahasa Melayu dan satu ciri yang penting dalam kebudayaan mereka ialah beragama Islam. Walau di mana pun mereka tinggal, mereka akan

¹². Roshimah Shamsudin, Aiza Maslan @ Baharudin dan Noor Shakirah Mat Akhir, "Ibadah Haji Masyarakat Melayu: Antara Sunnah dan Amalan Kebiasaan," *Jurnal Teknologi* 3, no. 1 (2014), 67-76.

¹³. Fuad Hassan, *Pengalaman Seorang Haji (Perlawatan ke Haramain)* (Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1975).

¹⁴. Abu Yazid Abidin, "Catatan Perjalanan ke Tanah Suci," *Dewan Siswa*, April 1980, 22.

bertutur menggunakan bahasa Melayu dan mempunyai keyakinan yang tinggi terhadap agama Islam. Kini, di Semenanjung Tanah Melayu orang-orang Melayu adalah beragama Islam.¹⁵

Ibadah haji merupakan satu tanggungjawab keagamaan yang telah sebatи di dalam diri orang-orang Melayu sejak Tanah Melayu mula menerima pengaruh dan perkembangan agama Islam lagi.¹⁶ Tanggungjawab kepada agama Islam yang mempunyai hubungan dengan Mekah dan Madinah ini telah meninggalkan kesan yang mendalam kepada masyarakat Melayu dan merupakan faktor kepada terjalannya hubungan yang erat di antara Alam Melayu dan Tanah Suci. Akhirnya hubungan yang erat tadi telah dimanifestasikan kepada kesungguhan orang-orang Melayu pergi ke sana untuk menyempurnakan fardu haji.¹⁷ Bagi orang Melayu, mereka mempercayai bahawa taraf keimanan mereka akan sampai ke kemuncaknya apabila mereka berjaya menyempurnakan kesemua rukun Islam, termasuklah ibadah haji yang merupakan rukun Islam yang terakhir. Lantaran itu, walaupun dari segi hukumnya umat Islam cuma diwajibkan melaksanakan ibadah haji sekali sahaja sepanjang hayatnya, namun kerana keyakinan yang kuat kepada keberkatannya menyebabkan terdapat di kalangan mereka yang berkemampuan telah melakukannya secara beulang kali.¹⁸

Namun sukar untuk dipastikan, bilakah orang Melayu yang paling awal belseyar menuju ke Mekah bagi mengerjakan ibadah haji. Meskipun demikian, adalah diyakini bahawa orang Melayu telah mengerjakan ibadah haji sebaik-baik sahaja agama Islam tersebar ke rantau ini. Perkara ini jelas kerana umat Islam dari bandar-bandar pelabuhan seperti Melaka, Aceh dan Riau, dipercayai telah mula belseyar ke Mekah untuk menunaikan rukun Islam yang kelima ini. Pada masa yang sama mereka juga telah pergi ke pusat-pusat pengajian Islam yang terdapat di Timur Tengah bagi mempelajari ilmu agama.¹⁹ Kisah mengenai dengan jemaah-jemaah haji Melayu juga telah direkodkan semenjak abad ke-15 Masihi lagi iaitu ketika zaman pemerintahan kesultanan Melayu Melaka. Pengarang Suma Oriental, Tomes Pires yang juga merupakan seorang apotekari Portugis ada mencatatkan tentang kisah dua orang sultan Melaka iaitu Sultan Mansur Shah yang memerintah pada tahun 1456 – 1477 M / 860 – 881 H dan Sultan Alauddin Riayat Shah yang memerintah pada tahun 1477 – 1488 M / 881 – 893 H mempunyai hasrat untuk melaksanakan fardu haji dan seterusnya membuat persiapan untuk berangkat ke Mekah.²⁰ Namun begitu, kedua-duanya tidak sempat untuk menunaikan ibadah haji tersebut kerana keduanya telah pun meninggal dunia terlebih dahulu sebelum sempat belseyar ke Tanah Suci Mekah.²¹

Maklumat berkaitan dengan pemergian orang Melayu mengerjakan ibadah haji juga ada diperkatakan dalam karya Melayu klasik Hikayat Hang Tuah. Dikisahkan bahawa pahlawan Melayu Hang Tuah ketika singgah di Jeddah dalam kunjungan diplomatiknya ke Rom bagi urusan membeli meriam untuk Sultan Melaka telah dipelawa oleh Shahbandar bagi

¹⁵. Abdul Rauf, *Ikhtisar Sejarah Islam dan Hubungannya*, 102.

¹⁶. Aiza Maslan @ Baharudin, “Pemergian Menunaikan Haji dalam Hikayat Hang Tuah dan Tuhfat al-Nafis,” *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya* 13 (2005), 1.

¹⁷. Redzuan, *Islam dan Masyarakat Melayu*, 33.

¹⁸. Mohammad Redzuan Othman, “Menyahut Panggilan Kaabah: Sejarah Pemergian Orang Melayu ke Tanah Suci dan Kepentingannya kepada Orang Melayu Sebelum Perang Dunia ke-II,” *Jurnal Usuluddin* 18 (Disember 2003), 176.

¹⁹. Redzuan, *Islam dan Masyarakat Melayu*, 38.

²⁰. Heba Nayel Barakat dan Zulkifli Ishak, *Al Haj: The Malaysian Experience In conjunction with the 50th Anniversary of Lembaga Tabung Haji* (t.p.: Islamic Arts Museum Malaysia, 2013), 98.

²¹. Zainal Abidin Abdul Wahid, Mohd. Amin Hassan dan Muhd. Yusof Ibrahim, *Sejarah Perkembangan Tabung Haji Malaysia 30 Tahun* (Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1993), 33.

melaksanakan ibadah haji di Mekah.²² Di samping mengerjakan rukun haji yang diwajibkan, Hang Tuah juga diceritakan telah mengambil kesempatan menziarahi makam Rasulullah SAW yang terletak di dalam Masjid Nabawi dan makam para sahabat di perkuburan Baqi dan Uhud. Beliau juga turut menggunakan peluang tersebut dengan menziarahi beberapa makam syeikh, makam keramat dan makam nabi yang terdapat di Tanah Suci bagi melengkapkan kunjungannya itu.²³

Walaupun terdapat pertikaian terhadap kesahihan mengenai dengan kisah Laksamana Hang Tuah pahlawan Melayu Melaka yang teragung menunaikan fardu haji, namun adalah sukar untuk menafikan akan kebenaran beliau telah mengerjakan ibadah haji tersebut. Ini kerana terdapat cerita-cerita berkenaan dengan amalan-amalan haji yang telah dilakukan oleh Hang Tuah sepanjang beliau berada di Tanah Suci. Begitu juga seorang yang beragama Islam tidaklah begitu mudah untuk memberanikan diri bagi membohongi bahawa beliau telah menunaikan perintah Allah SWT terutamanya telah menyempurnakan rukun Islam yang kelima. Hang Tuah juga telah mengambil masa lebih daripada dua bulan pelayaran ke Mekah. Angkatan pelayaran tersebut mempunyai lebih kurang empat puluh dua buah perahu dengan diiringi oleh seribu enam ratus orang pengikut dan turut disertai dengan enam belas orang pegawai. Ini menunjukkan bukti bahawa beliau telah melaksanakan ibadah haji di Tanah Suci Mekah.²⁴

Terdapat juga catatan berkaitan dengan adanya jemaah haji dari Semenanjung Tanah Melayu yang mengerjakan ibadah haji pada abad ketujuh belas Masihi. Beliau ialah Syeikh Abdul Malek bin Abdullah yang masyhur dengan gelaran Tuk Pulau Manis dari negeri Terengganu. Beliau menunaikan ibadah haji kira-kira dalam tahun 1670an ataupun 1680an Masihi bersamaan dengan 1080an ataupun 1090an Hijrah. Beliau merupakan seorang tokoh ulama Islam yang terkenal dan dirinya dianggap mempunyai banyak keramat. Syeikh Abdul Malek bin Abdullah hidup kira-kira pada tahun 1650 Masihi ataupun 1660 Masihi dan meninggal dunia kira-kira antara tahun 1730 Masihi hingga 1736 Masihi. Pusaranya sentiasa dikunjungi oleh orang ramai dan terletak di kampung Pulau Manis, Serada, Kuala Terengganu, Terengganu. Beliau dikatakan sebagai penterjemah Kitab Hikam Ibni Ata'llah yang terkenal dan juga ada menyusun beberapa buah kitab atau risalah, antaranya Kitab Kifayah (Risalah Kifayah dan Risalah Nuqil).²⁵

Melalui kajian sejarah juga telah didapati Sayyid Muhammad bin Zainal Abidin al Idrus yang turut dikenali dengan nama Tuk Ku Tuan Besar dari negeri Terengganu telah menunaikan ibadah haji pada abad kesembilan belas Masihi iaitu pada tahun 1815 Masihi semasa beliau berumur lebih kurang 20 tahun. Beliau adalah seorang tokoh ulama yang terkenal dan telah dianggap sebagai Bapa Kesusastraan Terengganu kerana telah banyak menghasilkan karya-karya yang bermutu tinggi melalui nazam dan prosa antara penulisannya yang terkenal ialah Kanzul Ula (NABAM), Jawahiruth Thaniah (PUJI), Uqudud Durratain (Syahadat Tuk Ku) dan lain-lain lagi. Tokoh ulama besar ini telah dilahirkan pada tarikh 12 Februari 1795 Masihi di Chabang Tiga, Kuala Terengganu dan meninggal dunia pada 22 Januari 1878 Masihi ketika berusia 83 tahun.²⁶

²². Redzuan, "Menyahut Panggilan Kaabah," 183.

²³. Redzuan, *Islam dan Masyarakat Melayu*, 39.

²⁴. Mohd. Saleh Haji Awang (MISBAHA), *Haji di Semenanjung Malaysia. Sejarah dan Perkembangannya Sejak Tahun 1300 – 1405H* (1896 – 1985M) (Kuala Terengganu: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd., 1986), 117.

²⁵. *Ibid.*, 124.

²⁶. *Ibid.*, 125.

Rekod-rekod jemaah haji orang Melayu juga dapat dilihat dalam pelbagai catatan dan gambaran terutamanya pada abad ke-19 dan 20 Masihi. Contohnya Abdullah Munsyi bin Abdul Kadir yang merupakan seorang cendekiawan Melayu dan penyalin teks yang pernah berkhidmat di bawah Alfred North dan Stamford Raffles ada mencatatkan pengalamannya perjalanan ke Mekah pada tahun 1854 M / 1270 H.²⁷ Menurut catatan didapati bahawa Abdullah Munsyi bin Abdul Kadir telah belayar ke Tanah Suci Mekah dari Singapura untuk melaksanakan rukun Islam yang kelima dengan sebuah kapal milik Syeikh Abdul Karim yang diberi nama Subulus Salam.²⁸ Kisah pelayaran beliau ke Mekah ada beberapa titik pertemuan dengan kisah pelayaran Hang Tuah ke Mekah dengan mengambil masa selama lebih kurang 88-89 hari dan begitu juga mengenai dengan catatan bandar “Mukha” yang terdapat di dalam kedua-dua pelayaran tersebut.²⁹

Tanah Suci Mekah juga mempunyai keistimewaan dan daya tarikannya yang tersendiri kepada para ulama dari segenap pelosok dunia Islam untuk menetap di sana. Keadaan ini telah memberi peluang kepada para jemaah haji dan orang ramai untuk belajar agama, berbincang dan bertukar pandangan di antara mereka walaupun berlatarbelakangkan mazhab yang berbeza. Sebagai contoh, pada abad ke-19 M / 13 H iaitu pada tahun 1887 Masihi / 1305 Hijrah Muhammad Yusof bin Ahmad ataupun lebih dikenali dengan nama Tok Kenali yang merupakan seorang ilmuan Islam dari negeri Kelantan telah melanjutkan pengajian agama di Mekah al-Mukarramah ketika berusia lapan belas tahun. Beliau telah mengharungi pelayaran selama lebih kurang enam bulan untuk sampai ke Mekah dan telah memutuskan untuk menetap di sana dengan bertujuan untuk menuntut sebanyak mungkin ilmu agama daripada para ilmuan Islam yang masyhur di Mekah. Di samping itu juga beliau telah berkesempatan menunaikan ibadah hajinya ketika berada di Mekah.³⁰

Persediaan Bakal Haji Melayu Sebelum Mengerjakan Ibadah Haji

Melaksanakan ibadah haji tidak sebagaimana ibadah-ibadah lain yang boleh dilakukan semasa berada di dalam kediaman sendiri. Ibadah haji perlu dilaksanakan pada waktu yang tertentu dan pada tempat yang tertentu serta memerlukan perbelanjaan, ilmu pengetahuan, kesihatan, terpaksa bermusafir dan perlu pula mengharungi pelbagai kepayaan dan dugaan daripada Allah SWT. Semua ini mesti dihadapi dengan kesabaran dan kecekalan yang tinggi semata-mata kerana Allah SWT.³¹

Persiapan awal yang diperlukan oleh orang Melayu bagi mengerjakan fardu haji ialah jumlah simpanan kewangan yang mencukupi.³² Ini kerana perbelanjaan untuk pergi melaksanakan ibadah haji sangat mahal dan memerlukan jumlah kewangan yang banyak. Bagi seorang petani, jumlah wang yang diperlukan untuk tujuan menunaikan ibadah haji telah melibatkan simpanan yang dibuat seumur hidup. Kebiasaannya mereka terpaksa mengambil masa selama lebih kurang dua puluh lima tahun untuk mengumpulkan jumlah wang yang mencukupi bagi membiayai pembelian tiket dan perbelanjaan harian semasa berada di Tanah Suci.³³

²⁷. Heba dan Zulkifli, *Al Haj: The Malaysian Experience*, 99.

²⁸. Saleh, *Haji di Semenanjung Malaysia*, 128.

²⁹. *Ibid.*, 125.

³⁰. Nurul Iman Rusli dan Zulkefli Ishak, *En Route to Mecca: Pilgrims' Voices Throughout the Centuries* (t.p.: Islamic Arts Museum Malaysia, 2009), 163.

³¹. Ibrahim Mahmud, “Bimbingan Ibadat Haji,” *Suara Majlis Negeri Perak*, September 1992, 11.

³². Mohd. Saleh Awang, *Bekalan Anda ke Tanah Suci: Panduan Ibadat Haji, Umrah Dan Ziarah* (Shah Alam: Marshall Cavendish Editions, 2009), 74.

³³. Redzuan, *Islam dan Masyarakat Melayu*, 45.

Orang Melayu kebiasaannya yang ingin mengerjakan ibadah haji tetapi tidak mempunyai wang yang cukup adalah disebabkan tiada budaya dan amalan menabung dari usia muda. Mereka terpaksa mencari jalan pintas untuk mencukupkan wang bagi urusan ibadah haji tersebut. Cara yang paling mudah dan cepat adalah dengan cara menjual harta benda ada seperti tanah kebun dan sawah padi kepada orang lain. Sebahagian daripada mereka juga telah menyewakan atau memajak kebun dan sawah padi kepada orang lain untuk tempoh beberapa tahun bagi memenuhi impian mereka untuk melaksanakan fardu haji di Tanah Suci Mekah.³⁴

Ada juga segelintir orang Melayu mengerjakan ibadah haji dengan menggunakan wang yang dikumpulkan daripada hasil tabungan secara tradisional di rumah seperti menyimpan di dalam kotak duit, tempayan beras, almari ataupun tabung buluh. Walau bagaimanapun tidak ramai yang berjaya menyimpan wang yang secukupnya dengan cara sebegini. Ini kerana ianya memerlukan disiplin yang kuat dan tidak terjamin pula simpanannya. Wang yang dikumpulkan sering digunakan untuk menampung perbelanjaan harian atau hilang kerana dicuri orang. Keadaan ini biasanya berlaku di kalangan mereka yang berpendapatan rendah dan dalam keadaan kewangan yang tidak stabil.³⁵

Sebelum ini di Tanah Melayu, wang yang digunakan untuk perbelanjaan menunaikan ibadah haji ke Mekah tidak boleh dibawa dalam bentuk tunai. Wang tersebut hendaklah ditukarkan terlebih dahulu dengan draft di salah sebuah bank yang telah dicadangkan oleh pegawai jajahan. Draft itu hendaklah disimpan dengan baik dan selamat supaya tidak hilang. Manakala wang perbelanjaan ketika berada di dalam pelayaran adalah dibenarkan dalam bentuk tunai tetapi jumlahnya tidak boleh melebihi daripada seratus ringgit wang Malaya (\$100).³⁶ Pada akhir abad ke-19 di Jelebu pula umpamanya, seseorang yang berhajat untuk menunaikan ibadah haji memerlukan tabungan sebanyak \$200 barulah mencukupi jumlah perbelanjaan yang diperlukan.³⁷ Pada masa itu mereka juga mesti menyediakan dokumen-dokumen perjalanan haji yang sewajarnya.³⁸

Orang Melayu yang menunaikan fardu haji dengan menaiki kapal laut telah mula mempersiapkan kelengkapan sekurang-kurangnya tiga empat bulan lebih awal dan ada yang hampir setahun dengan bermacam keperluan termasuklah pakaian, barang makanan, minuman dan lain-lain lagi. Terdapat juga di kalangan mereka yang mempunyai minat memakan daun sirih akan membawa “Sirih Tuam”³⁹ sebagai bekalan sekurang-kurangnya seratus ikat seorang. Semua barang keperluan yang dibawa akan dimasukkan ke dalam tong sahara⁴⁰ yang

³⁴. Zulkefli Salleh et al., *TH-Citra Kejayaan Malaysia=TH-Malaysia's Success Story* (Kuala Lumpur: Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), 2013), 18.

³⁵. *Ibid.*, 20.

³⁶. Muhammad Ghazali Abdullah dan Abdul Malik Nuruldin, *Risalah Panduan Haji dan Umrah* (Ipoh: Jabatan Agama Perak, 1955), 3.

³⁷. Redzuan, “Menyahut Panggilan Kaabah,” 191.

³⁸. *Ibid.*, 186.

³⁹. Sirih Tuam ialah sirih yang telah didemahkan atau dipanaskan dalam kuali dengan menggunakan punjur kain yang mengandungi pasir yang bercampur dengan lada hitam. Kemudiannya dijemur dan disidai sekadar masa yang sesuai supaya daun sirih tersebut menjadi lembut dan kemudiannya disusun secara berikat-ikat. Sila lihat dalam Saleh, *Haji di Semenanjung Malaysia*, 99.

⁴⁰. Tong sahara ataupun kotak sahara ialah sejenis kotak kayu yang diikat dengan tali. Asal usul namanya tidak begitu jelas, namun keadaan fizikalnya mampu bertahan dengan keadaan cuaca di negara-negara padang pasir seperti Arab Saudi dan Gurun Sahara di Afrika Utara. Sila lihat dalam Heba dan Zulkifli, *Al Haj: The Malaysian Experience*, 105. Tong sahara juga bermaksud tong atau kotak besar yang diperbuat daripada kayu dan papan. Tong yang panjang dan lebarnya berukuran empat kaki persegi serta tingginya juga empat kaki. Digunakan bagi mengisi barang-barang bekalan ke Tanah Suci. Seutas tali yang panjang dirajut berbentuk tapak catur di

telah dikunci dan diikat dengan kuat yang mana beratnya tidak mampu diangkat oleh seorang. Pakaian dan barang-barang ringan yang hendak digunakan semasa pelayaran pula akan disimpan dalam beg atau bekas yang lain.⁴¹

Bekalan makanan sepanjang pelayaran menuju ke Jeddah perlu dibawa sendiri oleh jemaah haji Melayu kerana pihak syarikat perkaplanaan tidak menyediakan bekalan makanan kepada jemaah haji. Mereka juga terpaksa memasak sendiri bekalan makanan tersebut.⁴² Persiapan lain yang perlu dilakukan oleh bakal-bakal haji Melayu sebelum berangkat ke Mekah ialah mencari mutawif haji yang berkelayakan dan bersesuaian bagi menguruskan semua perkara yang diperlukan sepanjang perjalanan mereka menunaikan ibadah haji di Tanah Suci.⁴³ Segala persiapan yang telah disediakan oleh jemaah haji Melayu ini akan dapat membantu mereka menyempurnakan ibadah haji dengan lebih lancar dan teratur seperti mana yang telah mereka rancangkan.

Kesimpulan

Pada sekitar tahun 1400-1900 Masihi orang Melayu mengerjakan ibadah haji dengan menaiki kapal laut. Mereka mendarat di pelabuhan Jeddah terlebih dahulu sebelum meneruskan perjalanan menuju ke Mekah ataupun Madinah. Walaupun tidak diketahui dengan tepat bila orang Melayu mula belayar ke Mekah dan siapa di antara mereka yang paling awal sampai ke sana, namun begitu telah tercatat dalam beberapa kajian sejarah bahawa terdapat orang Melayu yang sudah sampai ke Mekah dan berjaya menyempurnakan rukun Islam yang kelima tersebut. Di antaranya Hang Tuah, Syeikh Abdul Malek bin Abdullah (Tuk Pulau Manis), Sayyid Muhammad bin Zainal Abidin al Idrus (Tuk Ku Tuan Besar), Abdullah Munsyi bin Abdul Kadir dan Muhammad Yusof bin Ahmad (Tok Kenali).

Berdasarkan maklumat-maklumat yang dicatat telah didapati bahawa bakal jemaah haji orang Melayu telah melakukan bermacam persiapan sebelum mereka bertolak ke Tanah Suci Mekah bagi menunaikan fardu haji. Segala persiapan yang telah mereka lakukan sama ada dari aspek jasmani, rohani dan material itu akan dapat menolong mereka menghadapi setiap permasalahan yang timbul dan cabaran yang mendarat dengan lebih yakin dan bersemangat lagi. Mereka juga akan menjadi jemaah haji yang sentiasa bersedia dengan apa juga situasi sepanjang berada di Tanah Suci Mekah. Keadaan ini akan membantu jemaah haji orang Melayu untuk lebih fokus kepada urusan ibadah haji dan pada masa yang sama mereka dapat memperbanyak lagi amalan-amalan sunat sebagaimana yang dituntut oleh agama Islam.

Sejarah perjalanan haji orang Melayu ke Mekah sekitar tahun 1400 -1900 Masihi ini telah memberikan gambaran yang jelas bahawa orang Melayu merupakan umat Islam yang kuat berpegang dengan ajaran agama dan berusaha dengan sedaya mungkin untuk menjadi muslim yang terbaik di sisi Allah SWT. Mereka mampu menyempurnakan *manasik* haji yang juga merupakan rukun Islam yang kelima walaupun terpaksa menempuh perjalanan yang jauh dan lama untuk sampai ke Mekah dengan hanya menggunakan kapal laut. Segala

sekeliling tong ini. Tujuannya adalah untuk menjaga keselamatan barang-barang yang diisi di dalam tong ini. Ditakdirkan jika tong sahara ini pecah, barang-barang di dalamnya tidak tercampak keluar kecuali tali ini terputus ataupun terungkai. Dirajut begitu rupa supaya kalau satu ruang tali ini terputus, barang-barang di dalamnya masih tetap selamat lagi. Sila lihat dalam Yahaya Awang, *Kapal Haji Dalam Kenangan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2008), 1-2.

⁴¹. Saleh, *Haji di Semenanjung Malaysia*, 99.

⁴². Redzuan, *Islam dan Masyarakat Melayu*, 41.

⁴³. *Ibid.*, 42.

perjalanan dan pengalaman yang mereka lalui sepanjang menjadi tetamu Allah SWT di Tanah Suci Mekah tersebut telah menjadi pendorong kepada generasi umat Islam untuk sama-sama bergelar *duyufurrahman* pada suatu hari nanti.

Rujukan

Abu Yazid Abidin. “Catatan Perjalanan ke Tanah Suci”. *Dewan Siswa*, April 1980, 22.

Aiza Maslan @ Baharudin. “Dari Tabung Buluh ke Tabung Haji: Sejarah Pengerjaan Haji Orang Melayu, 1850-1984.” Tesis kedoktoran, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2009.

Aiza Maslan @ Baharudin, “Pelayaran Haji Orang Melayu Sebelum Perang Dunia Kedua,” *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya* 21 (2013): 41-55.

Aiza Maslan @ Baharudin, “Pemergian Menunaikan Haji dalam Hikayat Hang Tuah dan Tuhfat al-Nafis,” *Jurnal Jabatan Sejarah Universiti Malaya* 13 (2005): 1-13.

Azrina Ismail. “Singapura: Gerbang Jemaah Haji ke Mekah di Kepulauan Asia Tenggara 1865-1938.” Latihan ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2000.

Fuad Hassan. *Pengalaman Seorang Haji (Perlawatan ke Haramain)*. Jakarta: Penerbit Bulan Bintang, 1975.

Heba Nayel Barakat dan Zulkifli Ishak. *Al Haj: The Malaysian Experience In conjunction with the 50th Anniversary of Lembaga Tabung Haji*. t.t.p.: Islamic Arts Museum Malaysia, 2013.

Ibrahim Mahmud. “Bimbingan Ibadat Haji”. *Suara Majlis Negeri Perak*, September 1992, 11.

Mohammad Redzuan Othman. *Islam dan Masyarakat Melayu: Peranan dan Pengaruh Timur Tengah*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya, 2005.

Mohammad Redzuan Othman, “Masjid al-Haram dan Peranannya dalam Perkembangan Awal Pendidikan dan Intelektualisme Masyarakat Melayu,” *Jurnal Usuluddin* 13 (Julai 2001): 65-80.

Mohammad Redzuan Othman, “Menyahut Panggilan Kaabah: Sejarah Pemergian Orang Melayu ke Tanah Suci dan Kepentingannya kepada Orang Melayu Sebelum Perang Dunia ke-II,” *Jurnal Usuluddin* 18 (Disember 2003): 176.

Mohd. Saleh Awang (MISBAHA). *Bekalan Anda ke Tanah Suci: Panduan Ibadat Haji, Umrah Dan Ziarah*. Shah Alam: Marshall Cavendish Editions, 2009.

Mohd. Saleh Awang (MISBAHA). *Haji di Semenanjung Malaysia. Sejarah dan Perkembangannya Sejak Tahun 1300-1405H (1896-1985M)*. Kuala Terengganu: Syarikat Percetakan Yayasan Islam Terengganu Sdn. Bhd., 1986.

Muhamad Abdul Rauf. *Ikhtisar Sejarah Islam dan Hubungannya yang Khusus dengan Semenanjung Malaysia*, terj. Rustam A. Sani. Petaling Jaya: Fajar Bakti Sdn. Bhd., 1987.

Muhammad Ghazali Abdullah dan Abdul Malik Nuruldin. *Risalah Panduan Haji dan Umrah*. Ipoh: Jabatan Agama Perak, 1955.

Nabihah Hassan. “Sejarah Pengerajan Haji Orang-orang Tanah Melayu, 1900-1940.” Latihan ilmiah, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 1978.

Nang Nashirah Nik Dahalan. “Perjalanan Orang-orang Melayu dalam Menunaikan Ibadah Haji: Kajian di dalam Kitab Kisah Pelayaran Abdullah Ka-Judah.” Latihan ilmiah, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, 2014.

Nurul Iman Rusli dan Zulkefli Ishak. *En Route to Mecca: Pilgrims’ Voices Throughout the Centuries*. t.tp.: Islamic Arts Museum Malaysia, 2009.

Roshimah Shamsudin, Aiza Maslan @ Baharudin dan Noor Shakirah Mat Akhir, “Ibadah Haji Masyarakat Melayu: Antara Sunnah dan Amalan Kebiasaan,” *Jurnal Teknologi* 3, no. 1 (2014): 67-76.

Shukor Mat, “Sejarah Awal Rombongan Haji Malaysia dan Pengalaman Menunaikan Haji dengan Kapal Laut oleh Tokoh Haji Veteran dari Perlis,” *Jurnal Warisan Indera Kayangan* 23 (2012): 14-17.

Zainal Abidin Abdul Wahid, Mohd. Amin Hassan dan Muhd. Yusof Ibrahim. *Sejarah Perkembangan Tabung Haji Malaysia 30 Tahun*. Kuala Lumpur: Jabatan Perdana Menteri, 1993.

Zulkefli Salleh et al. *TH-Citra Kejayaan Malaysia=TH-Malaysia’s Success Story*. Kuala Lumpur: Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), 2013.